



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA 3
PERSIARAN BUKIT UTAMA, BANDAR UTAMA
47800 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel: 03-7727 6166
<http://www.smkbu3.edu.my>
bea8643@moe.edu.my



Ruj. Kami : BU3.600-4/1/2 ()
Tarikh : 5 September 2022

Kepada,
Semua Ibu bapa/Penjaga dan Pelajar SMKBU3.

Tuan,

PENGAMBILAN SIJIL ASAL PEPERIKSAAN SPM SEHINGGA TAHUN 2021

Perkara di atas dirujuki.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sijil asal **Peperiksaan SPM Sehingga Tahun 2021** telah diterima dari Lembaga Peperiksaan dan murid atau wakil boleh hadir bagi mengambil sijil berkenaan.

3. Pengambilan sijil adalah seperti ketetapan berikut :

Hari : Isnin hingga Jumaat (*ditutup pada hujung minggu dan cuti umum).

Masa : 9 pagi hingga 12 tengahari sahaja (*Isnin hingga Khamis).

9 pagi hingga 11:30 pagi sahaja (*Jumaat sahaja).

Dokumen yang perlu dibawa : Sila bawa Kad Pengenalan Asal / Pasport Asal / Sijil Kelahiran Asal murid berkenaan. Bagi wakil yang mengambil sijil berkenaan juga diminta membawa Kad Pengenalan Asal untuk tujuan rekod. (*salinan fotostat tidak diterima).

Lokasi : Pejabat Sekolah SMKBU3, Blok B, Tingkat 1.

Kehadiran : Hanya seorang (1) sahaja wakil dibenarkan hadir untuk mengambil sijil berkenaan.

4. Kegagalan tuan untuk tidak mematuhi seperti perkara diatas akan menyebabkan sijil berkenaan **tidak dapat diserahkan** kepada tuan memandangkan sijil berkenaan adalah sijil asal.

Sekian, untuk makluman dan tindakan tuan. Terima kasih.

‘WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030’

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menjalankan amanah,

(AZLIZA BINTI MAT LAZIM)
PENGETUA CEMERLANG,
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3).